



**PBA**  
Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

19 Disember 2023

Siaran Media

**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**SALURAN PAIP SUNGAI PERAI PECAH:  
KERJA-KERJA KIMPALAN BAWAH AIR OLEH PAKAR UNTUK MEMBAIKI  
SALURAN PAIP DIJADUALKAN BERMULA HARI INI**

Kejadian	<b>Gangguan bekalan air tidak berjadual disebabkan oleh kemalangan di Sungai Perai.</b>
Bil. pengguna air terjejas	<b>Kira-kira 200,000 pengguna air di Barat Daya Daerah Pulau Pinang dan Seberang Perai</b>
Cause	<ul style="list-style-type: none"><li>• Saluran paip 1,350mm pecah terletak di dasar sungai Sungai Perai</li><li>• Air terawatt daripada LRA Sungai Dua dipam melalui saluran paip ini ke saluran paip berkembar dasar laut ke-3 dan seterusnya disalurkan ke Daerah Barat Daya Pulau Pinang</li></ul>
Pelan Tindakan Kecemasan	<b>Pakar kerja kimpalan bawah air untuk membaiki saluran paip oleh kontraktor yang berpangkalan di Port Klang.</b>

PULAU PINANG, Selasa, 19 Disember 2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) sedang melaksanakan pelan tindak balas kecemasan untuk membaiki pecahan 1,350mm saluran paip air yang terletak di dasar sungai Sungai Perai.

Ini adalah saluran paip utama yang menyalurkan air terawat dari Loji Rawatan Air Sungai Dua ke saluran paip ke-3 dasar laut ke Pulau Pinang dari Butterworth di tanah besar hingga ke kawasan Macallum di Pulau Pinang.

Saluran paip pecah itu ditemui kira-kira 8.26 pagi semalam. PBAPP telah melantik kontraktor pakar yang berpangkalan di Port Klang untuk menyiasat kejadian itu kerana saluran paip terletak di dasar sungai, kira-kira 3.5m di bawah permukaan sungai.

Pakar penyelam komersial dari Port Klang tiba di tempat kejadian petang semalam. PBAPP telah membuat kawalan injap untuk mengurangkan aliran air sebanyak kira-kira 75% untuk memudahkan kerja pemeriksaan bawah air.

Para penyelam telah menyelam pada jam 10.30 malam tadi.

Saluran Paip Sungai Perai Pecah:

Kerja-kerja kimpalan bawah air oleh pakar untuk membaiki saluran paip dijadualkan bermula hari ini



**PBA**

Perbadanan Bekalan Air  
Pulau Pinang Sdn Bhd  
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda  
Meeting all your water supply needs

Semasa pemeriksaan awal ini, penyelam telah menemui lubang berukuran kira-kira 20cm x 30cm pecah pada bahagian permukaan saluran paip. Hari ini, kerja kimpalan oleh pakar dalam air dijadualkan untuk membaiki saluran paip dengan mengimpal plat keluli 60cm x 60cm di atas bahagian yang pecah.

Sila ambil perhatian bahawa kerja-kerja kimpalan mesti dijalankan di bawah air, kira-kira 3.5m di bawah permukaan sungai. Kontraktor Port Klang akan menentukan masa terbaik untuk bermula kerja berdasarkan cahaya (untuk penglihatan) dan keadaan sungai (untuk keselamatan).

### **Kawasan gangguan bekalan air tidak berjadual di Daerah Barat Daya di Pulau Pinang dan Seberang Perai**

Untuk memudahkan kerja kimpalan bawah air, PBAPP terpaksa menutup sementara saluran paip 1,350mm rosak.

Penutupan saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air tidak berjadual untuk kira-kira 200,000 pengguna air di Daerah Barat Daya Pulau Pinang dan Seberang Perai.

PBAPP akan menghebahkan senarai kawasan yang terjejas dalam masa terdekat.

Sila ambil perhatian bahawa gangguan "tidak berjadual" yang timbul daripada kejadian yang tidak dirancang ini. Oleh itu, PBAPP tidak dapat memberikan "notis awal". Walau bagaimanapun, PBAPP telah menasihatkan orang ramai melalui siaran FB untuk menyimpan air untuk kegunaan harian pada 12.30 pagi ini.

PBAPP memohon maaf diatas segala kesulitan yang berlaku. Kami akan memberikan kemas kini dengan kerap di FB hari ini. Kami juga akan mengumumkan jangkaan jangka masa gangguan bekalan air sebaik sahaja kami mendapat komitmen daripada pakar kontraktor yang akan menjalankan kerja-kerja hari ini.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Farid bin Othman  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [farid@pba.com.my](mailto:farid@pba.com.my)

Saluran Paip Sungai Perai Pecah:

Kerja-kerja kimpalan bawah air oleh pakar untuk membaiki saluran paip dijadualkan bermula hari ini







